



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**

*Director-General of Education Malaysia*

**ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E**

*Level 8, Block E8, Complex E*

**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

*Federal Government Administrative Centre*

**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 8 ( 42)

Tarikh : // April 2023

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 7 TAHUN 2023**

**BUKU PANDUAN RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU EDISI KEDUA UNTUK  
MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

**TUJUAN**

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Buku Panduan Rancangan Pendidikan Individu Edisi Kedua untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

**LATAR BELAKANG**

2. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 mendefinisikan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) sebagai satu rekod yang mengandungi butiran sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar yang menyatakan tentang rancangan pendidikan individu bagi setiap murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK).

3. Pelaksanaan RPI memenuhi hasrat untuk memberikan pendidikan yang berkualiti kepada setiap MBPK bagi memenuhi keperluan pembelajaran mereka. RPI perlu disediakan kepada setiap MBPK yang berada dalam program pendidikan khas bagi memastikan keperluan mereka dalam menerima pendidikan dipenuhi.

4. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 28 Tahun 2022 bertarikh 23 Ogos 2022 telah meluluskan Penambahbaikan Buku Panduan Rancangan Pendidikan Individu Edisi Kedua untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia.

## **PELAKSANAAN**

5. Buku Panduan Rancangan Pendidikan Individu Edisi Kedua yang disertakan bersama-sama SPI ini disediakan sebagai panduan kepada semua pihak di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan institusi pendidikan bawah KPM. Penambahbaikan buku panduan ini dapat memberi kesan positif dan amat penting bagi mengurangkan cabaran MBPK untuk mencapai potensi yang maksimum dalam pendidikan melalui perkara-perkara berikut:

- 5.1 kefungsian;
- 5.2 akademik; atau
- 5.3 transisi ke kerjaya.

6. Format rekod RPI ini boleh disediakan menggunakan apa jua bentuk yang munasabah dan sesuai dengan teknologi semasa. Rekod RPI dan dokumen yang berkaitan haruslah diurus dengan sempurna dan dapat dikemukakan dengan serta-merta apabila dikehendaki oleh pihak yang diberi kuasa.

7. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan Buku Panduan Rancangan Pendidikan Individu Edisi Kedua dirujuk dan dipatuhi. Buku panduan ini boleh dimuat turun daripada laman sesawang KPM melalui pautan <https://www.moe.gov.my>.

## TARIKH KUAT KUASA

8. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh SPI ini dikeluarkan.

## TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

9. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dengan memaklumkan kandungan SPI ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menalankan amanah,

  
**(DATO' HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI)**

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**BUKU PANDUAN  
RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU  
EDISI KEDUA**

**BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**BUKU PANDUAN  
RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU  
EDISI KEDUA**

**BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS**

© Hak Cipta @ 2023

**Kementerian Pendidikan Malaysia**

Sebarang artikel, ilustrasi dan isi kandungan dari mana-mana bahagian dalam buku ini adalah tidak dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindahkan dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada:

Pengarah  
Bahagian Pendidikan Khas  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Pengarah Bahagian Pendidikan Khas berhak mengubah mana-mana maklumat yang terkandung dalam Buku Panduan Rancangan Pendidikan Individu Edisi Kedua dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

**Terbitan:**

**Bahagian Pendidikan Khas  
Kementerian Pendidikan Malaysia**

Aras 2, Blok E2, Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 Putrajaya  
Tel.: 03-88849190  
Faks: 03-88886670



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-26116-2-2

# Kata Alu-Aluan



## KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, Salam Anak yang Baik lagi Cerdik dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, tahniah diucapkan kepada Bahagian Pendidikan Khas yang telah berjaya menerbitkan Buku Panduan Rancangan Pendidikan Individu Edisi Kedua ini. Penerbitan buku panduan ini selaras dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang sentiasa komited dalam memberikan pendidikan yang terbaik kepada semua murid termasuk murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK).

Sesungguhnya kejayaan dalam menyediakan buku panduan ini menjadi pemangkin kepada usaha KPM dalam menyemarakkan usaha untuk melonjakkan kecemerlangan pendidikan kita ke arah mencapai pendidikan bertaraf dunia. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab semua pihak berkepentingan yang terlibat dengan RPI memastikan setiap MBPK yang berada dalam sistem pendidikan hari ini kompeten untuk menghadapi segala cabaran dalam pembelajaran dan kehidupan dalam era globalisasi.

Saya berharap buku panduan ini dijadikan sumber rujukan oleh semua pihak yang berkepentingan terhadap tatacara penyediaan dan pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) kepada MBPK.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan buku panduan ini. Saya menyeru agar semua pihak yang terlibat dalam penyediaan dan pelaksanaan RPI dapat mematuhi buku panduan ini agar keberhasilan MBPK yang dihasratkan dapat dicapai dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Pkharuddin Bin Hj. Ghazali'. The signature is stylized and written over a circular stamp or mark.

DATO' HJ. PKHARUDDIN BIN HJ. GHAZALI

## PENGARAH BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas), Kementerian Pendidikan Malaysia dapat menerbitkan Buku Panduan Rancangan Pendidikan Individu Edisi Kedua. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan buku panduan ini.

Rancangan Pendidikan Individu (RPI) merupakan satu agenda utama yang perlu dilaksanakan oleh guru-guru kepada murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) yang berdaftar di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Penerbitan buku panduan ini bertujuan untuk memberi panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyediakan dan melaksanakan RPI secara lebih sistematik dan seragam.

Inisiatif ini membolehkan MBPK mencapai tahap optimum dalam pembelajaran dan memberi impak yang positif kepada MBPK dalam pelbagai bidang sama ada bidang akademik, kokurikulum, pembangunan sahsiah mahu pun transisi ke kerjaya.

Semoga niat dan usaha murni BPKhas ini dapat memberikan ruang dan peluang ke arah keberhasilan MBPK selaras dengan visi BPKhas, iaitu 'Pendidikan Berkualiti Menjana Kecemerlangan Selaras dengan Sistem Pendidikan Kebangsaan'.

Terima kasih.

  
(HAJAH SALMAH BINTI JOPRI)



## ISI KANDUNGAN

| Bilangan   | Perkara  | Muka Surat |
|------------|--|------------|
|            | <b>KATA ALU-ALUAN<br/>KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA</b>                             | <b>i</b>   |
|            | <b>KATA ALU-ALUAN<br/>PENGARAH BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS</b>                              | <b>ii</b>  |
|            | <b>ISI KANDUNGAN</b>   | <b>iii</b> |
|            | <b>SENARAI LAMPIRAN</b>  | <b>iv</b>  |
|            | <b>SENARAI RAJAH</b>   | <b>v</b>   |
|            | <b>SENARAI SINGKATAN</b>   | <b>v</b>   |
| <b>1.0</b> | <b>PANDUAN UMUM</b>  | <b>1</b>   |
| 1.1        | Tujuan   | 1          |
| 1.2        | Latar Belakang   | 1          |
| 1.3        | Punca Kuasa  | 2          |
| 1.4        | Objektif   | 3          |
| 1.5        | Definisi   | 4          |
| 1.6        | Konsep   | 5          |
| 1.7        | Peranan dan Tanggungjawab  | 6          |
| <b>2.0</b> | <b>PENYEDIAAN DAN PELAKSANAAN RANCANGAN<br/>PENDIDIKAN INDIVIDU</b>                      | <b>14</b>  |
| 2.1        | Proses Pelaksanaan RPI   | 14         |
| 2.2        | Proses Pengumpulan Maklumat  | 16         |
| 2.3        | Prasidang  | 17         |
| 2.4        | Sidang Pertama   | 18         |
| 2.5        | Pelaksanaan dan Perekodan RPI  | 19         |
| 2.6        | Sidang Penilaian   | 20         |
| <b>3.0</b> | <b>PENUTUP</b>   | <b>20</b>  |
|            | <b>RUJUKAN</b>   | <b>68</b>  |
|            | <b>JAWATANKUASA PENGGUBAL BUKU PANDUAN RANCANGAN<br/>PENDIDIKAN INDIVIDU EDISI KEDUA</b> | <b>69</b>  |

## SENARAI LAMPIRAN

|             |   |    |
|-------------|---|----|
| LAMPIRAN 1  | Borang Rumusan Prasadang  | 21 |
| LAMPIRAN 2  | Borang dan Manual Pengisian Borang Rancangan Pendidikan Individu Murid Berkeperluan Pendidikan Khas – Sekolah Rendah (BPKHAS/RPI/SR/2023)   | 22 |
| LAMPIRAN 3  | Borang dan Manual Pengisian Borang Rancangan Pendidikan Individu Murid Berkeperluan Pendidikan Khas – Sekolah Menengah (BPKHAS/RPI/SM/2023) | 27 |
| LAMPIRAN 4  | Contoh Surat Jemputan Sidang Pertama  | 33 |
| LAMPIRAN 5  | Contoh Surat Persetujuan RPI  | 34 |
| LAMPIRAN 6  | Contoh Surat Jemputan Sidang Penilaian  | 35 |
| LAMPIRAN 7  | Contoh 1 Borang RPI Sekolah Rendah  | 36 |
| LAMPIRAN 8  | Contoh 2 Borang RPI Sekolah Rendah  | 39 |
| LAMPIRAN 9  | Contoh 3 Borang RPI Sekolah Rendah  | 42 |
| LAMPIRAN 10 | Contoh 4 Borang RPI Sekolah Rendah  | 45 |
| LAMPIRAN 11 | Contoh 5 Borang RPI Sekolah Rendah  | 47 |
| LAMPIRAN 12 | Contoh 6 Borang RPI Sekolah Rendah  | 50 |
| LAMPIRAN 13 | Contoh 1 Borang RPI Sekolah Menengah  | 53 |
| LAMPIRAN 14 | Contoh 2 Borang RPI Sekolah Menengah  | 56 |
| LAMPIRAN 15 | Contoh 3 Borang RPI Sekolah Menengah  | 59 |
| LAMPIRAN 16 | Contoh 4 Borang RPI Sekolah Menengah  | 62 |
| LAMPIRAN 17 | Contoh 5 Borang RPI Sekolah Menengah  | 65 |

## SENARAI RAJAH

Rajah 1 : Proses Pelaksanaan RPI

15

## SENARAI SINGKATAN

|        |   |   |
|--------|---|---|
| GBK    | : | Guru Bimbingan atau Guru Kaunseling                 |
| JPKS   | : | Jawatankuasa Pendidikan Khas Sekolah                |
| JPN    | : | Jabatan Pendidikan Negeri                           |
| MDT    | : | Kumpulan Pelbagai Disiplin                          |
| KPM    | : | Kementerian Pendidikan Malaysia                     |
| MBPK   | : | Murid Berkeperluan Pendidikan Khas                  |
| PdP    | : | Pengajaran dan Pembelajaran                         |
| PGB    | : | Pengetua atau Guru Besar                            |
| PK1    | : | Penolong Kanan Pentadbiran                          |
| PKPK   | : | Penolong Kanan Pendidikan Khas                      |
| PPD    | : | Pejabat Pendidikan Daerah                           |
| PPKILD | : | Penyelaras Pendidikan Khas Integrasi Lantikan Dalam |
| PPKI   | : | Program Pendidikan Khas Integrasi                   |
| PPI    | : | Program Pendidikan Inklusif                         |
| PTK    | : | Program Transisi ke Kerjaya                         |
| RPI    | : | Rancangan Pendidikan Individu                       |
| SPK    | : | Sekolah Pendidikan Khas                             |
| 3PK    | : | Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas                  |

## **1.0 PANDUAN UMUM**

Buku panduan ini mengandungi dua bab seperti yang berikut:

- i) Panduan Umum; dan
- ii) Penyediaan dan Pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu.

## **1.1 Tujuan**

- 1.1.1 Buku panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pegawai bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), pentadbir sekolah, guru pendidikan khas, guru arus perdana, ibu bapa atau penjaga murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) dan semua pihak berkepentingan tentang tatacara penyediaan dan pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) bagi setiap individu MBPK.
- 1.1.2 Buku panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama peraturan, surat pekeliling ikhtisas, surat siaran dan surat makluman berkaitan RPI yang sedang berkuat kuasa.
- 1.1.3 Buku panduan ini terpakai kepada semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di bawah KPM dari peringkat pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah dan Tingkatan Enam yang mempunyai MBPK berdaftar di sekolah tersebut.

## **1.2 Latar Belakang**

- 1.2.1 Program pendidikan khas di bawah KPM menyediakan tiga opsyen persekolahan bagi MBPK, iaitu sekolah pendidikan khas (SPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI).
- 1.2.2 Pelaksanaan RPI memenuhi hasrat KPM untuk memberikan pendidikan yang berkualiti kepada setiap MBPK pada semua peringkat persekolahan bagi memenuhi keperluan pembelajaran mereka. RPI perlu disediakan kepada setiap MBPK yang berada dalam program pendidikan khas bagi memastikan keperluan mereka dalam menerima pendidikan dapat dipenuhi.

- 1.2.3 RPI merupakan keutamaan dan keperluan bagi mengurangkan cabaran MBPK untuk mencapai potensi yang maksimum dalam pendidikan melalui perkara-perkara berikut:
- i. kefungsiian;
  - ii. akademik; atau
  - iii. transisi ke kerjaya.

### 1.3 Punca Kuasa

Penyediaan dan pelaksanaan RPI adalah berdasarkan kepada punca kuasa:

#### 1.3.1 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013

- i. Dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, Perkara 3 (Tafsiran) menyatakan bahawa:

‘Rancangan Pendidikan Individu ertinya suatu rekod yang mengandungi butiran sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar yang menyatakan tentang rancangan pendidikan bagi setiap murid berkeperluan pendidikan khas’.

(P.U. (A) 230, 2013)

- ii. Perkara 8 (1)(b) (Pelaksanaan Pendidikan Khas) menegaskan bahawa “seseorang guru hendaklah menggunakan Rancangan Pendidikan Individu”.

#### 1.3.2 Kod Amalan Pendidikan Murid Berkeperluan Khas (2015)

- i. RPI adalah satu rekod bertulis yang melaporkan perancangan pendidikan secara individu berdasarkan keupayaan atau kekuatan dan kelemahan MBPK. RPI juga menyediakan pernyataan berikut:
  - a) tahap prestasi individu murid;
  - b) perancangan merangkumi aspek akademik dan bukan akademik;
  - c) sekurang-kurangnya satu matlamat jangka masa pendek dan panjang berdasarkan keperluan individu murid;

- d) rangkaian aktiviti yang dirancang bagi membantu murid;
  - e) pencapaian setiap aktiviti bagi mencapai matlamat yang telah dinyatakan;
  - f) perkhidmatan sokongan yang diperlukan; dan
  - g) persetujuan pihak ibu bapa atau penjaga.
- ii. MBPK yang mengikuti PPI penuh (inklusif penuh) boleh dikecualikan daripada menggunakan RPI dalam melaksanakan pendidikan khas. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu MBPK yang diinklusif memerlukan RPI bagi mengatasi masalah-masalah yang menjadi penghalang bagi MBPK meneruskan pembelajaran. RPI ini hendaklah disediakan oleh guru pendidikan khas dengan kerjasama guru arus perdana.

1.3.2 MBPK yang mengikuti PPI penuh tetapi masih menghadapi cabaran-cabaran tertentu yang menjadi penghalang bagi meneruskan pembelajaran, perlu disediakan RPI seperti keperluan kes berikut:

- i. pengurusan diri;
- ii. pengurusan tingkah laku;
- iii. pengurusan emosi;
- iv. komunikasi;
- v. pembelajaran; atau
- vi. transisi ke kerjaya.

## 1.4 **Objektif**

Objektif buku panduan ini adalah untuk:

- i. menjadi panduan kepada semua pihak berkepentingan berkenaan penyediaan, pelaksanaan dan pemantauan RPI;
- ii. memastikan semua pihak yang terlibat dengan penyediaan dan pelaksanaan RPI dapat memahami peranan dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing; dan
- iii. memastikan penyediaan dan pelaksanaan RPI kepada semua MBPK dapat dijalankan dengan lebih sistematik.

## 1.5 Definisi

Definisi bagi terma yang digunakan dalam buku panduan ini:

|   |   |
|---|---|
| <b>Prasidang</b>                        | Proses perbincangan awal untuk meneliti maklumat MBPK secara terperinci dan merumuskan cabaran utama yang perlu dicatat dalam Borang Rumusan Prasidang bagi tujuan dibincangkan dengan ibu bapa atau penjaga dalam Sidang Pertama.                      |
| <b>Sidang Pertama</b>                   | Sesi permuafakatan antara pihak sekolah dengan ibu bapa atau penjaga berkaitan RPI.   |
| <b>Sidang Penilaian</b>                 | Sesi perjumpaan antara pihak sekolah dengan ibu bapa atau penjaga untuk menilai keberkesanan strategi pembangunan potensi MBPK sama ada dari aspek kefungsian, akademik atau transisi ke kerjaya yang telah diterima dan pencapaian matlamat oleh MBPK. |
| <b>Pelaksana RPI</b>                    | Guru yang dilantik pada peringkat sekolah untuk merekod maklumat yang diperolehi daripada guru kelas; menyediakan dan melaksanakan RPI; serta melaporkan pencapaian semasa matlamat MBPK dengan kerjasama guru mata pelajaran dan guru kemahiran.       |
| <b>Kumpulan pelbagai disiplin (MDT)</b> | MDT dalam konteks penyediaan dan pelaksanaan RPI terdiri daripada ahli terapi cara kerja; ahli patologi pertuturan bahasa; psikologis dan lain-lain atau mana-mana terapis serta pegawai perubatan yang berkaitan MBPK.                                 |



Satu rekod bertulis yang disediakan khusus untuk setiap MBPK sebagai perancangan, intervensi dan pelaporan bagi tujuan meminimumkan cabaran utama dalam pembelajaran.



RPI dibuat dengan menetapkan matlamat yang ingin dicapai, merancang strategi pembangunan potensi MBPK sama ada berfokus kepada aspek kefungsian, akademik atau transisi ke kerjaya.



Penilaian RPI:  
Secara berterusan mengikut tahap keupayaan MBPK.



### Kefungsian

Kemahiran pengurusan diri, pengurusan tingkah laku, pengurusan emosi, komunikasi, sosial, motor halus atau motor kasar.




### Akademik

Kemahiran asas membaca, menulis dan mengira atau mata pelajaran kemahiran vokasional bagi MBPK di sekolah menengah.



### Transisi ke kerjaya

Pembangunan kemahiran dan sokongan kepada MBPK berdasarkan keupayaan, kekuatan, minat dan potensi ke arah menempuh alam pekerjaan dan alam dewasa.






## 1.7 Peranan dan Tanggungjawab

Peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat adalah seperti yang berikut:

### 1.7.1 Bahagian Pendidikan Khas




### 1.7.2 Jabatan Pendidikan Negeri

- 1 Merancang, mengurus dan memantau pelaksanaan RPI pada peringkat negeri.
- 2 Merancang dan menyebarkan luas maklumat pelaksanaan RPI kepada pihak yang berkaitan pada peringkat negeri.
- 3 Merancang, mengurus dan melaksana program pembangunan profesionalisme yang berterusan kepada pentadbir, guru dan bukan guru.
- 4 Bertindak sebagai pegawai meja bantuan (helpdesk) berkaitan RPI pada peringkat negeri.

**1.7.3 Pejabat Pendidikan Daerah**


Merancang, mengurus dan melaksana program pembangunan profesionalisme berterusan kepada pentadbir, guru dan bukan guru.




**1.7.4 Pentadbir Sekolah (Pengetua atau Guru Besar - PGB)**

1. Mempengerusikan jawatankuasa berikut bagi menetapkan pelaksanaan RPI:
  - a) Jawatankuasa Pendidikan Khas Sekolah (JPKS) di sekolah yang mempunyai PPKI;
  - b) JPKS di sekolah yang melaksanakan PPI tanpa PPKI; atau
  - c) Jawatankuasa Kurikulum di SPK.
2. Melantik pelaksana RPI yang diputuskan oleh JPKS atau Jawatankuasa Kurikulum.
3. Mempengerusikan Sidang Pertama dan Sidang Penilaian.
4. Melaksanakan tindakan segera terhadap perkara yang perlu diselesaikan berkaitan dengan pelaksanaan RPI.
5. Memastikan semua guru yang terlibat dengan MBPK melaksanakan RPI berdasarkan strategi yang telah dirancang serta mengadakan perbincangan dengan ibu bapa atau penjaga dari semasa ke semasa.
6. Membuat pengesahan bagi RPI yang telah disediakan.
7. Memastikan dokumen RPI diserahkan oleh Pelaksana RPI kepada ibu bapa atau penjaga.

**1.7.5 Penolong Kanan Pentadbiran (PK1) di SPK dan Sekolah Tanpa PPKI**



**1.7.6 Penolong Kanan Pendidikan Khas (PKPK) atau Penyelaras Pendidikan Khas Integrasi Lantikan Dalam (PPKILD) di PPKI**



### 1.7.7 Guru Kelas




Mengumpul maklumat berkaitan latar belakang, rekod perubatan, pendidikan dan keupayaan MBPK.

Memberi maklumat tahap keupayaan pembelajaran MBPK kepada pelaksana RPI, guru mata pelajaran dan guru kemahiran dari semasa ke semasa.

### 1.7.8 Pelaksana RPI

- i. JPKS di sekolah yang melaksanakan PPKI dan Jawatankuasa Kurikulum di SPK perlu melantik pelaksana RPI dalam kalangan guru kelas, guru mata pelajaran, guru kemahiran mengikut pembahagian MBPK yang berdaftar di sekolah.
- ii. JPKS di sekolah yang melaksanakan PPI tanpa PPKI perlu melantik pelaksana RPI dalam kalangan guru kelas, guru mata pelajaran, guru kemahiran atau GBK.



### 1.7.9 Guru Mata Pelajaran dan Guru Kemahiran (sekolah menengah)

Semua guru mata pelajaran dan guru kemahiran bekerjasama dengan pelaksana RPI dalam merancang, melaksana dan menilai strategi sama ada dari aspek kefungsiian, akademik atau transisi ke kerjaya bagi setiap MBPK.

Menjadikan RPI sebagai salah satu bukti sokongan kepada keberhasilan MBPK.

### 1.7.10 Guru Bimbingan atau Guru Kaunseling (GBK)



Memberikan motivasi dan keyakinan diri kepada MBPK dari aspek kefungsiian, akademik dan transisi ke kerjaya.

01



Mengadakan sesi kaunseling individu dan kelompok kepada MBPK.

02



Menyediakan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan khas kepada MBPK di sekolah.

03



GBK bertanggungjawab membimbing murid lain untuk sentiasa menerima, membantu dan memberi pertolongan kepada MBPK.

04

### 1.7.11 Pembantu Pengurusan Murid

Menyalurkan maklumat kepada guru tentang perkembangan MBPK dalam aktiviti yang dilaksanakan.



01

Membantu guru kelas, guru mata pelajaran dan guru kemahiran dalam pengurusan MBPK dan pelaksanaan PdP dalam RPI.



02

Menghadiri sidang sekiranya diperlukan.



03

### 1.7.12 Ibu bapa atau Penjaga

Memberi maklumat tentang anak atau anak jagaan.

01

Menghadiri Sidang Pertama dan Sidang Penilaian yang diadakan oleh pihak sekolah.

02

Bekerjasama dalam mengenal pasti cabaran utama dan merancang matlamat RPI bagi anak atau anak jagaan.

03

Menyatakan persetujuan bagi pelaksanaan RPI terhadap anak atau anak jagaan.

04

Menyertai program dan aktiviti yang dapat menyumbang kepada perkembangan potensi anak atau anak jagaan.

07


Berkongsi maklumat dengan kumpulan pelbagai disiplin yang terlibat secara langsung.

06

Bekerjasama dengan pihak sekolah bagi mencapai matlamat dan strategi RPI yang telah dipersetujui.

05

### 1.7.13 Kumpulan Pelbagai Disiplin (MDT)






## **2.0 PENYEDIAAN DAN PELAKSANAAN RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU**

Bab ini mengandungi lima (5) aspek, iaitu:

1. Pengumpulan maklumat
2. Prasidang
3. Sidang Pertama
4. Pelaksanaan dan Perekodan RPI
5. Sidang Penilaian

### **2.1 Proses Pelaksanaan RPI**

Proses pelaksanaan RPI melibatkan aktiviti-aktiviti yang bermula dengan pengumpulan maklumat diikuti dengan Prasidang, Sidang Pertama, Pelaksanaan dan Perekodan serta Sidang Penilaian seperti pada Rajah 1:



**Petunjuk:**

- PGB - Pengetua atau Guru Besar
- PK1 - Penolong Kanan Pentadbiran
- PKPK - Penolong Kanan Pendidikan Khas
- PPKILD - Penyelaras Pendidikan Khas Integrasi Lantikan Dalaman
- \*GBK - Guru Bimbingan atau Guru Kaunseling
- \*MDT - Kumpulan pelbagai disiplin
- (\* jika perlu)

Rajah 1: Proses Pelaksanaan RPI

## 2.2 Pengumpulan Maklumat



### Pengumpulan Maklumat

Dilaksanakan oleh guru kelas:

- Maklumat peribadi
- Laporan perubatan
- Borang Permohonan Pendaftaran Orang Kurang Upaya (Jabatan Kebajikan Masyarakat)
- Maklumat terapi dan perkhidmatan sokongan



### Tempoh Pengumpulan Maklumat

Dalam tempoh **tiga (3) minggu pertama** dari hari pertama sesi persekolahan.



### Kaedah Mendapatkan Maklumat

- Merujuk RPI terdahulu.
- Perbincangan dengan ibu bapa atau penjaga.
- \*Menggunakan mana-mana instrumen yang bersesuaian.



### Bahagian A (Maklumat Diri)

Dilaksanakan oleh pelaksana RPI:

Melengkapkan **Bahagian A (Maklumat Diri)** dalam borang RPI berdasarkan maklumat yang dikumpul.

\* Instrumen yang boleh digunakan:

- Senarai Semak Pengesanan Perkembangan Bayi dan Kanak-kanak 1 bulan hingga 6 Tahun Edisi Kedua Tahun 2021;
- Instrumen Menentu Penempatan Anak Berkeperluan Khas (IMPak);
- Instrumen Penentu Penguasaan Membaca dan Menulis (IPP2M);
- Instrumen Penentu Penguasaan Kemahiran Matematik (IPPKAM); atau
- dokumen-dokumen lain yang bersesuaian.

## 2.3 Prasidang



### TUJUAN

Meneliti dan mencatat hasil perbincangan dalam Borang Rumusan Prasidang - BPKHAS/RPI/PS/2023.



### KEPERLUAN

Pelaksanaan Prasidang kepada:

- MBPK yang baharu mendaftar di sekolah.
- MBPK yang belum ada RPI.
- MBPK yang telah ada RPI.



### AHLI

- PK1 - Pengerusi
- PKPK/PPKILD
- Pelaksana RPI
- Guru kelas
- Guru mata pelajaran
- Guru kemahiran (sekolah menengah)
- \* GBK
- \* MDT
- \* **(Jika perlu)**



### BORANG

Pelaksana RPI menyediakan cadangan RPI menggunakan borang:

- Sekolah rendah - BPKHAS/RPI/SR/2023
- Sekolah menengah - BPKHAS/RPI/SM/2023

## 2.4 Sidang Pertama



### ■ TUJUAN

Perbincangan dan mendapatkan persetujuan ibu bapa berdasarkan cadangan RPI daripada pihak sekolah.



### ■ TEMPOH

Tidak **MELEBIHI 3 bulan** dari hari pertama MBPK masuk ke sekolah.



### ■ PELAKSANAAN

Diadakan secara bersemuka atau dalam talian mengikut kesesuaian masa.



### ■ AHLI

- PGB (Pengerusi)
- PK1 (boleh bertindak sebagai Pengerusi jika diturunkan kuasa oleh PGB)
- PKPK/PPKILD
- Pelaksana RPI
- Ibu bapa/penjaga
- Guru kelas dan guru mata pelajaran
- Guru kemahiran (sekolah menengah)
- \* GBK
- \* MDT
- \* (jika perlu)



### ■ SYARAT

Surat persetujuan **WAJIB ditandatangani** oleh ibu bapa atau penjaga.

## 2.5 Pelaksanaan dan Perekodan RPI

RPI dilaksanakan:

- i) selepas Sidang Pertama bagi MBPK yang baharu mendaftar di sekolah atau yang belum mempunyai RPI; atau
- ii) mulai awal sesi persekolahan bagi MBPK yang telah mempunyai RPI.

### TEMPOH

- ✓ Pelaksanaan dalam tempoh **MAKSIMUM** tiga (3) bulan.
- ✓ Jika MBPK telah mencapai matlamat RPI lebih awal dari tempoh maksimum, Sidang Penilaian boleh dilaksanakan bagi penetapan RPI yang baharu.


### PENILAIAN

Pelaksana RPI dan semua guru mata pelajaran dan guru kemahiran perlu berbincang dan menilai prestasi pencapaian MBPK setiap **dua (2)** atau **tiga (3)** minggu.

### PEREKODAN

Pelaksana RPI perlu merekodkan pencapaian MBPK dalam borang RPI.

## 2.6 Sidang Penilaian



## 3.0 PENUTUP

Buku Panduan Rancangan Pendidikan Individu Edisi Kedua ini diharap dapat membantu semua pihak dalam menyediakan dan melaksanakan RPI kepada semua MBPK dengan lebih sistematik.

**BORANG RUMUSAN PRASIDANG**

1. NAMA MURID :

2. KELAS :

3. KEUPAYAAN MURID :

---

---

---

4. CABARAN UTAMA:

---

---

---

5. MATLAMAT:

---

---

---

6. CADANGAN STRATEGI:

---

---

---

---

---



## LAMPIRAN 2

### BORANG RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS SEKOLAH RENDAH

BPKHAS/RPI/SR/2023

BORANG RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS  
SEKOLAH RENDAH

#### BAHAGIAN A (Maklumat Diri)

1. Kod Sekolah :  2. Tahun :
3. Nama Sekolah :
4. Program Pendidikan Khas:
- |                                      |   |                          |
|--------------------------------------|---|--------------------------|
| a) Sekolah Pendidikan Khas           | : | <input type="checkbox"/> |
| b) Program Pendidikan Khas Integrasi | : | <input type="checkbox"/> |
| c) Program Pendidikan Inklusif       | : | <input type="checkbox"/> |
5. Nama Murid :
6. Tarikh Lahir :  7. Umur :  8. Kelas :
9. Kategori :  10. Diagnosis :
11. Pengetahuan Sedia Ada :
12. Keupayaan :
13. Keperluan Perubatan :
14. Keperluan Perkhidmatan:  
Sokongan :
15. Keperluan Alat  
Sokongan :

#### BAHAGIAN B (Fokus RPI)

16. Kurikulum yang diikuti :
17. Fokus RPI:
- |               |   |                          |             |   |                          |
|---------------|---|--------------------------|-------------|---|--------------------------|
| a) Kefungsian | : | <input type="checkbox"/> | b) Akademik | : | <input type="checkbox"/> |
|---------------|---|--------------------------|-------------|---|--------------------------|
18. Cabaran Utama :
19. Matlamat  
Jangka Panjang :

| 20. Matlamat Jangka Pendek | 21. Strategi Intervensi<br>( Aktiviti berkenaan aspek kefungisian atau akademik) | 22. Pencapaian |
|----------------------------|--|----------------|
|                            |  |                |

23. Tarikh mula :

24. Tarikh semak :

25. Keputusan Inventori Minat Kerjaya Pendidikan Khas (IMKPK) Murid Tahun 6 :

**BAHAGIAN C (Perakuan)**

26. Tarikh Sidang Pertama :

a) Tandatangan Ibu Bapa/ Penjaga:

b) Tandatangan Guru:

( ..... )

( ..... )

c) Disemak Oleh:

d) Disahkan Oleh:

( ..... )

( ..... )

27. Tarikh Sidang Penilaian :

a) Tandatangan Ibu Bapa/ Penjaga:

b) Tandatangan Guru:

( ..... )

( ..... )

# MANUAL PENGISIAN BORANG RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS SEKOLAH RENDAH

## BAHAGIAN A

**BPKHAS/RPI/SP/2022**

**BORANG RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS SEKOLAH RENDAH**

**BAHAGIAN A (Maklumat Diri)**

1. Kod Sekolah :  2. Tahun :

3. Nama Sekolah :

4. Program Pendidikan Khas :  
 a) Sekolah Pendidikan Khas :   
 b) Program Pendidikan Khas Integrasi :   
 c) Program Pendidikan Inklusif :

5. Nama Murid :

6. Tarikh Lahir :  7. Umur :  8. Kelas :

9. Kategori :  10. Diagnosis :

**Kategori**  
 Tulis berdasarkan kategori berikut :  
 a) Ketidakupayaan Penglihatan  
 b) Ketidakupayaan Pendengaran  
 c) Ketidakupayaan Pertuturan  
 d) Ketidakupayaan Fizikal  
 e) Masalah Pembelajaran  
 f) Ketidakupayaan Pelbagai

**Callouts:**  
 - **Kod Sekolah**: menggunakan HURUF BESAR  
 - **Tahun**: Tahun SEMASA  
 - **Nama Sekolah**: menggunakan HURUF BESAR  
 - **Program Pendidikan Khas**: Tandakan ( ✓ )  
 - **Nama Murid**: menggunakan HURUF BESAR  
 - **Kelas**: Nama kelas  
 - **Diagnosis**: Rujuk borang kesihatan  
 - **Tarikh Lahir**: Format hh/bb/tttt  
 - **Umur**: Umur pada 1 Jan tahun semasa

**Pengetahuan Sedia Ada**  
 Pengetahuan yang dimiliki atau dikuasai oleh MBPK berkaitan dengan cabaran yang telah dikenal pasti

**Kekuatan**  
 Nyatakan **KEKUATAN/KEMAHIRAN** MBPK

**Keperluan Perubatan**  
 laporan kesihatan MBPK atau nyatakan jenis ubat yang diambil oleh MBPK

**Keperluan Alat Sokongan**  
 alat sokongan mengikut keperluan MBPK

**Keperluan Perkhidmatan Sokongan**  
 a) audiologi;  
 b) patologi pertuturan bahasa;  
 c) peripatetik;  
 d) terapi cara kerja;  
 e) psikologi; atau  
 f) lain-lain perkhidmatan sokongan (nyatakan)

11. Pengetahuan Sedia Ada :

12. Keupayaan :

13. Keperluan Perubatan :

14. Keperluan Perkhidmatan Sokongan :

15. Keperluan Alat Sokongan :

## BAHAGIAN B

### Kurikulum

Nyatakan kurikulum yang diikuti oleh MBPK



### Fokus RPI Tandakan (✓)

### BAHAGIAN B (Fokus RPI)

16. Kurikulum yang diikuti :

17. Fokus RPI :

a) Kefungsian :

b) Akademik :

18. Cabaran Utama :

19. Matlamat  
Jangka Panjang :

### Cabaran Utama

Rujuk Borang Rumusan PraSidang

### Matlamat Jangka Panjang

Tandakan berdasarkan cabaran utama dari aspek **kefungsian** atau **akademik**

### Matlamat Jangka Pendek

Sasaran yang perlu dicapai dalam tempoh masa tiga (3) bulan bagi menyokong pencapaian matlamat jangka panjang RPI.

| 20. Matlamat Jangka Pendek | 21. Strategi Intervensi<br>(Aktiviti berkenaan aspek kefungsian atau akademik) | 22. Pencapaian |
|----------------------------|--|----------------|
|                            |  |                |

23. Tarikh mula :

24. Tarikh semak :

25. Keputusan Inventori Minat Kerjaya :  
Pendidikan Khas (IMKPK) Murid Tahun 6

### Strategi Intervensi

Rujuk Borang Rumusan PraSidang

Senaraikan:

- ✓ Aktiviti/intervensi
- ✓ Cadangan ABM/alatan
- ✓ Kaedah Penilaian

dalam RPI untuk mencapai matlamat jangka pendek.

### Pencapaian

(Kemajuan semasa)

Tuliskan tarikh dan nyatakan kemajuan semasa MBPK berdasarkan strategi intervensi yang dijalankan.

### Tarikh Mula

Tarikh mula pelaksanaan RPI  
Format hh/bb/tttt

### Keputusan IMKPK

Rujuk Slip Keputusan IMKPK  
(3 mata Holland yang tertinggi)

### Tarikh Semak

Tarikh semakan sebelum Sidang Penilaian

## BAHAGIAN C

| BAHAGIAN C (Perakuan)   |   |
|---|---|
| <b>Tandatangan Ibu Bapa/Penjaga</b><br>Tandatangan ibu bapa/penjaga semasa Sidang Pertama   | 26. Tarikh Sidang Pertama : <input type="text"/>      |
| <b>Disemak Oleh</b><br>PK Pentadbiran/<br>PK Pendidikan Khas/<br>Penyelaras Pendidikan Khas | a) <b>Tandatangan Ibu Bapa/ Penjaga:</b><br>( ..... ) |
| <b>Tarikh Sidang Penilaian</b><br>Format hh/bb/tttt   | b) <b>Tandatangan Guru:</b><br>( ..... )              |
| <b>Tandatangan Ibu bapa/Penjaga</b><br>Tandatangan ibu bapa/penjaga semasa Sidang Penilaian | c) <b>Disemak Oleh:</b><br>( ..... )                  |
|   | d) <b>Disahkan Oleh:</b><br>( ..... )                 |
|   | 27. Tarikh Sidang Penilaian : <input type="text"/>    |
|   | a) <b>Tandatangan Ibu Bapa/ Penjaga:</b><br>( ..... ) |
|   | b) <b>Tandatangan Guru:</b><br>( ..... )              |

**Tarikh Sidang Pertama**  
Format hh/bb/tttt

**Tandatangan Guru**  
Pelaksana RPI

**Disahkan Oleh**  
Pengetua/Guru Besar

**Tandatangan Guru**  
Pelaksana RPI

### LAMPIRAN 3

## BORANG RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS SEKOLAH MENENGAH

BPKHAS/RPI/SM/2023

### BORANG RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS SEKOLAH MENENGAH

#### BAHAGIAN A (Maklumat Diri)

|   |                      |                      |                      |
|---|----------------------|----------------------|----------------------|
| 1. Kod Sekolah:                         | <input type="text"/> | 2. Tahun:            | <input type="text"/> |
| 3. Nama Sekolah:                        | <input type="text"/> |                      |                      |
| 4. Program Pendidikan Khas:             |                      |                      |                      |
| a) Sekolah Pendidikan Khas              | :                    | <input type="text"/> |                      |
| b) Program Pendidikan Khas Integrasi    | :                    | <input type="text"/> |                      |
| c) Program Pendidikan Inklusif          | :                    | <input type="text"/> |                      |
| 5. Nama Murid :                         | <input type="text"/> |                      |                      |
| 6. Tarikh Lahir :                       | <input type="text"/> | 7. Umur:             | <input type="text"/> |
|   |                      | 8. Kelas:            | <input type="text"/> |
| 9. Kategori :                           | <input type="text"/> | 10. Diagnosis:       | <input type="text"/> |
| 11. Pengetahuan Sedia Ada :             | <input type="text"/> |                      |                      |
| 12. Keupayaan :                         | <input type="text"/> |                      |                      |
| 13. Keperluan Perubatan :               | <input type="text"/> |                      |                      |
| 14. Keperluan Perkhidmatan:<br>Sokongan | <input type="text"/> |                      |                      |
| 15. Keperluan Alat<br>Sokongan :        | <input type="text"/> |                      |                      |

#### BAHAGIAN B (Fokus RPI)

|                                  |                          |                         |                          |
|----------------------------------|--------------------------|-------------------------|--------------------------|
| 16. Kurikulum yang diikuti:      | <input type="text"/>     |                         |                          |
| 17. Fokus RPI:                   |                          |                         |                          |
| a) Kefungsian:                   | <input type="checkbox"/> | b) Akademik:            | <input type="checkbox"/> |
|                                  |                          | c) Transisi Ke Kerjaya: | <input type="checkbox"/> |
| 18. Cabaran Utama :              | <input type="text"/>     |                         |                          |
| 19. Matlamat<br>Jangka Panjang : | <input type="text"/>     |                         |                          |

| 20. Matlamat Jangka Pendek | 21. Strategi Intervensi<br>(Aktiviti berkenaan aspek kefungisian atau akademik) | 22. Pencapaian |
|----------------------------|---|----------------|
|                            |   |                |

23. Tarikh Mula :

24. Tarikh Semak :

**BAHAGIAN C (Transisi Ke Kerjaya)**

**25. Maklumat Transisi Ke Kerjaya**

